

SIMBOL CAPAL YANG MENGHIASI MIHRAB SEBUAH SURAU DI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

Isu Capal Di Mihrab Surau Tular

Tular di dalam media massa isu simbol seakan capal yang menghiasi bahagian mihrab di sebuah surau di Negeri Perak. Isu ini mengundang pelbagai spekulasi dan andaian di kalangan orang ramai. Jabatan Mufti Negeri Perak telah dirujuk untuk menangani isu yang menimbulkan keresahan di kalangan orang awam ini.

Untuk mengelakkan agar suasana bertambah tidak tenteram dengan pelbagai andaian, Jabatan Mufti Negeri Perak berusaha melaksanakan “tabayyun” dengan turun sendiri ke lapangan bagi mengesahkan berita yang hanya bersumberkan media massa. Jabatan ini mendapati, memang terdapat simbol seperti yang didakwa dan disebarkan di media sosial. Jabatan ini juga berkesempatan menemubual mereka yang terlibat dengan pengurusan surau ini untuk diselidiki tujuan dan hasrat meletakkan simbol di mihrab surau berkenaan.

Hasil Siasatan

Siasatan awal mendapati bahawa simbol itu diletakkan di bahagian mihrab setahun yang lalu. Perbuatan ini diperakui oleh pihak pengurusan madrasah dan surau tersebut yang pada pandangan mereka tidak lebih hanya sekadar untuk **hiasan** sahaja.

Jabatan Mufti Negeri Perak setelah meneliti dengan penuh hemat dan saksama mendapati bahawa hasrat mereka yang terlibat adalah untuk menzahirkan kecintaan kepada Baginda Nabi SAW. Atas sangkaan yang baik bahawa hasrat mereka beriringan dengan keyakinan bahawa kesemua benda, tempat atau perkara tidak mampu mendatangkan kebaikan dan menolak kemudaratan melainkan dengan izin Allah SWT. Namun, perbuatan ini telah menimbulkan pelbagai andaian sehingga kepada pernyataan yang tidak wajar terhadap urusan agama yang suci ini.

Menutup Pintu Fitnah

Jabatan ini menyarankan kepada pihak surau dan madrasah berkenaan supaya peka dengan sekitaran semasa dan telahan masyarakat awam dengan menutup pintu-pintu fitnah serta menolak perkara yang boleh membawa kepada unsur pemujaan maka, adalah wajar ianya dialihkan ke suatu ruang yang lebih munasabah dan bersesuaian. Bersesuaian dengan konsep sad al zari’ah dengan maksud menutup pintu-pintu atau jalan-jalan yang boleh membawa kepada perkara yang diharamkan.

Dalam masa yang sama Jabatan ini juga menasihatkan netizen dan orang ramai agar menjauhi perbuatan melabel sesuatu pihak dengan label yang melampau seperti kafir, fasiq dan sebagainya tanpa melakukan proses “tabayyun “ terlebih

dahulu. Ia adalah tindakan yang salah dan akan merenggangkan lagi hubungan sesama muslim.

Tabarruk Dengan Barang Peninggalan Rasulullah

Jabatan ini berpandangan isu di atas ada kaitannya dengan isu tabarruk iaitu mengambil keberkatan terhadap sesuatu yang terkait dengan peninggalan Baginda Nabi SAW. Secara konseptual, bertabarruk atau mengambil keberkatan lazimnya didefinisikan sebagai mengharapakan keberkatan daripada Allah SWT dengan sesuatu yang mulia dalam pandanganNya. Apa yang pasti adalah, keharusan bertabarruk dengan sesuatu benda, tempat atau orang dengan syarat bahawa sesuatu yang digunakan dalam tabarruk itu adalah mulia pada pandangan Allah SWT serta kesemuanya itu terkait secara langsung daripada peninggalan insan yang mulia di sisi Allah SWT seperti rambut Baginda SAW. Secara jelas, ayat 93 dalam surah Yusuf memperihalkan firman Allah yang menerangkan tentang ucapan Nabi Yusuf a.s.

أَذْهَبُوا بِقَمِيصِي هَذَا فَأَلْقُوهُ عَلَىٰ وَجْهِ أَبِي يَأْتِ بَصِيرًا وَأْتُونِي بِأَهْلِكُمْ
أَجْمَعِينَ ﴿٩٣﴾

Pergilah dengan membawa bajuku ini, kemudian letakkan pada muka ayahku supaya ia dapat melihat, dan selepas itu bawalah kepadaku keluarga kamu semuanya".

Tidak disangkal bahawa ayat yang memperihal tentang Nabi Yaakub a.s. yang telah dilempar pakaian ke mukanya daripada pakaian anaknya Nabi Yusuf ini adalah suatu pendalilan yang menunjukkan bahawa pakaian orang yang mulia di sisi Allah SWT menjadi perantara kesembuhan dengan izin Allah SWT.

Hukum tabarruk dengan kesan-kesan nabi ini memang dibolehkan dalam Islam berdasarkan hadith-hadith yang sahih, tetapi ianya adalah kesan langsung dari peninggalan Nabi SAW seperti, capal Nabi SAW, bekas minuman Nabi SAW, rambut Nabi SAW dan sebagainya, adapun replika ia bukan lagi di sebut 'athar al-nabiyy'.

Kecintaan kepada Baginda Nabi SAW dan kepada Insan yang soleh di sisi Allah SWT boleh dizahirkan dengan pelbagai cara dan pendekatan yang sewajarnya dan hendaklan menjauhi dari membuka ruang kepada perkara yang boleh membawa kepada bid'ah, tahyul, khurafat dan sebagainya yang jauh daripada ajaran Syarak.